



KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
Director General of Lands and Mines of the Federation
Aras 3, Podium 1, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8871 2603
Faks : 03-8889 3855
Web : www.jkptg.gov.my

Rujukan : JKPTG-800/100-1/9/3 (6)

Tarikh : 7 April 2017

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah
Semua Pengarah Bahagian/ Pengarah Negeri
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2017

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PINJAMAN PERIBADI BAGI MENGELAK KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan berhubung dengan permohonan pinjaman peribadi bagi mengelak keterhutangan kewangan yang serius di kalangan warga Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkara 13 Perintah Am Bab D telah menetapkan bahawa penjawat awam adalah dilarang berada di dalam keterhutangan kewangan yang serius.
- 2.2 Selaras dengan Surat Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) rujukan JPA.BK(S)328/2Jld.13(9) bertarikh 24 Januari 2017, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan warga JKPTG menerima

pendapatan bersih (*take home pay*) tidak kurang daripada 40% dan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai yang melakukan penipuan yang boleh menyebabkan mereka mengalami keterhutangan kewangan yang serius.

- 2.3 Keadaan ini jika tidak dikawal boleh menjejaskan prestasi kerja dan mendorong kepada berlakunya masalah disiplin seperti tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, melakukan penyelewengan, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan menjalankan pekerjaan luar tanpa kebenaran Ketua Jabatan. Di samping itu, integriti pegawai, imej JKPTG khasnya dan imej perkhidmatan awam secara keseluruhan akan tercemar jika masalah ini tidak ditangani dengan segera.

3. GARIS PANDUAN / TATACARA MEMOHON PINJAMAN

- 3.1 Selaras dengan para 2.2 di atas, berikut adalah garis panduan / tatacara permohonan pinjaman peribadi :
- 3.1.1 Pinjaman wang hanya boleh dibuat melalui Institusi Kewangan yang berlesen sahaja.
- 3.1.2 Bagi warga Jabatan (pemohon) yang ingin membuat pinjaman, perlulah melampirkan salinan slip gaji 3 bulan terakhir bersama-sama borang permohonan untuk pengesahan/perakuan Ketua Jabatan dengan menyatakan perkara berikut:
- Jumlah pinjaman yang dipohon;
 - Kadar potongan bulanan yang dipohon; dan
 - Tempoh pinjaman;
- 3.1.3 Hanya Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri sahaja dibenarkan untuk menandatangani borang permohonan pinjaman bagi potongan gaji (termasuk ansuran pinjaman baru) yang tidak melebihi 50%.

- 3.1.4 Bagi potongan gaji (termasuk ansuran pinjaman baru) yang melebihi 50% tetapi masih tidak melebihi 60%, borang permohonan pinjaman perlu ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah sahaja (mengikut sektor masing-masing).
- 3.1.5 Bagi jawatan Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri, borang permohonan pinjaman perlu ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah (mengikut sektor masing-masing).
- 3.2 Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri adalah bertanggungjawab untuk membuat pemantauan secara berterusan bagi memastikan pegawai di bawah seliaan masing-masing mempunyai pendapatan bersih (*take home pay*) tidak kurang daripada 40% yang ditetapkan supaya tidak berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.

4. PEMATUHAN GARIS PANDUAN

Semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri hendaklah memaklumkan dan memastikan pegawai di Bahagian dan Negeri masing-masing mematuhi arahan ini.

5. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK)

7 April 2017



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA



Tel: 603-88653001
 Faks / Fax: 603-88862187
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)328/2Jld.13(9)

[Signature] Januari 2017

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

PEMANTAUAN KE ATAS PEGAWAI YANG BERADA DALAM KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Dengan hormat saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan mengenai perkara di atas dan surat edaran JPA bertarikh 28 Disember 2005 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Januari 2017 telah memutuskan supaya ketua-ketua jabatan memantau pemotongan gaji pegawai masing-masing dengan tidak meluluskan pemotongan sekiranya akan mengakibatkan pegawai menerima pendapatan bersih (*take home pay*) kurang daripada 40% dan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai yang didapati melakukan penipuan yang boleh menyebabkan mereka mengalami masalah keberhutangan serius misalnya dengan memalsukan penyata gaji untuk mendapatkan pinjaman.

3. Oleh itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab dalam urusan kewangan menyemak dengan teliti dokumen yang dikemukakan sebelum meluluskan permohonan pemotongan gaji bagi memastikan peraturan ini dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

PBKP
UI

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

[Signature]
(DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

Sr

